


ERA BARU

DATE: 3/2/2008



Sebagai simbolik, Tun Dr Mahathir memotong riben untuk melepaskan belon-belon ke udara bersama beberapa poster memperkenalkan 'The Loaf' kepada orang ramai.



Tun Dr Mahathir dibantu oleh Tun Dr Hasmah kelihatan menepong tawar kedai roti 'The Loaf' sebelum memasuki kedai tersebut.

Dr Mahathir rasmikan kedai roti 'The Loaf'

Era Baru - 3/2/2008

OLEH Pemberita Era Baru

SETELAH beroperasi beberapa bulan dengan jayanya, kedai roti 'The Loaf' bertempat di Komplek beli-belah Pavillion di Jalan Bukit Bintang, ia telah dirasmikan pembukaannya oleh Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini. Dr Mahathir adalah pemegang saham sebanyak 52% dalam perniagaan itu dan selebihnya dikuasai oleh rakannya dari Jepun, Mr. Jiro Suzuki iaitu anak lelaki kepada sahabat lamanya, mendiang Tan Sri Suzuki.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir telah menyatakan bagaimana beliau begitu tertarik dan minat kepada roti yang dimakannya ketika berada di Jepun dalam lawatan-lawatan beliau ke negara itu sentiasa menjadi Perdana Menteri. Seterusnya, beliau berusaha untuk memperkenalkan roti seperti itu di Malaysia dengan membuka kedai pertama di Langkawi dua tahun lalu. Memandangkan kepada sambutan yang begitu menggalakkan, Dr Mahathir dan Mr. Jiro Suzuki membuat keputusan untuk mengembangkan perniagaan itu ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir juga memberitahu

bahawa The Loaf sungguh bernasib baik kerana berjaya mendapat serorang dari 100 orang pembuat roti dan pastrri terbaik di Jepun yang bertanggungjawab keatas kualiti roti yang tinggi mutunya dan difahamkan lebih daripada 120 jenis pastrri yang dikeluarkan setiap hari oleh The Loaf. Tepung yang digunakan untuk roti dan pastrri telah diimport dari Jepun.

Dalam pada itu, Dr Mahathir juga memberitahu pihak media iaitu pada ketika ini, syarikatnya belum lagi berhasrat membuka franchaisnya kepada sesiapa yang berminat kerana mahu menumpukan perhatian penuh kepada kedua-dua kedai roti yang sedang beroperasi itu.

Berdasarkan kepada sambutan hangat yang dilihat pada hari perasmian itu, roti dan pastrri keluaran The Loaf ini, tidak syak lagi akan menjadi buah mulut penggemar apatah lagi apabila ia dikaitkan dengan nama yang tidak asing lagi dalam dan luar negara, Mahathir Mohamad. Dalam pada itu, Dr Mahathir berharap usahawan-usahawan muda Melayu akan menceburi perniagaan seperti ini untuk menunjukkan keupayaan mereka

dan meningkatkan ekonomi orang Melayu.

Dalam pada itu, penggemar-penggemar 'The Loaf' bukan sahaja boleh membeli roti dan pelbagai pastrri, tetapi juga boleh bersarapan pagi, makan tengahari dan makan malam. Ia beroperasi dari 10 pagi sehingga 10 malam dan salah satu daripada menu bagi sarapan pagi ialah 'Tun's Favourite' yang mengandungi Toasted Bread, Soft Boil Egg, Orange Juice dan kopi atau teh.

Nota:

ERA BARU dihentikan bahawa ada stesen radio dalam negara ini yang dilarang untuk membuat liputan tentang perniagaan roti usaha murni bekas Perdana Menteri ini. Usaha beliau dalam bidang roti ini tidak ada kaitan langsung dengan politik. Persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab mengeluarkan arahan ini sehingga penglibatan Dr Mahathir dalam bidang roti pun tidak disenangi. Milah yang dikatakan 'kacang lupakan kulit'.



Tun Dr Mahathir menjawab soalan dari pihak media tentang penglibatan beliau dalam bidang roti. Beliau diapit oleh Mr. Jiro Suzuki dan chef roti yang terkenal di Jepun.



Perasmian 'The Loaf' oleh Tun Dr Mahathir menarik begitu ramai peminat roti dan peminat Dr Mahathir sendiri seperti yang dilihat dalam gambar.




Tun Dr Mahathir kelihatan riang berdiri dengan longgokan pastrri (Puffy Tower) yang akan diagih-agihkan kepada para tetamu. Kelihatan rakan kongsi Mr. Jiro Suzuki, Tun Dr Siti Hasmah dan Puan Sri Suzuki.

'The Loaf' mempunyai chef yang terkenal di Jepun yang bertanggungjawab keatas kualiti roti dan pastrri yang dikeluarkan setiap hari.



Hadir sama penyanyi terkenal, Dato' Seri Hajah Siti Nurhaliza selepas kembali dari menunaikan fardhu haji. Beliau ditemani oleh suami, Dato' Seri Hj. Khalid Mohamad Jawa.



Di antara tetamu yang hadir, Tan Sri Mustapha Kamal dan isteri Puan Sri Datin Wan Nong dan kiri sekali ialah Tan Sri Khalid Ahmad, bekas pengerusi Utusan Malaysia.